

## **BAB IV**

### **PERANAN AL-JAM'İYATUL WASHLIYAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI MEDAN**

#### **4.0. Pengenalan**

Penulis membahas pada bab ini mengenangi peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam pendidikan Islam di Medan yang mana organisasi ini telah berusia 80 tahun pada tahun 2010. Usia yang cukup lama sudah tentu memainkan peranan yang penting dalam dunia pendidikan. Semenjak awal penumbuhan sehingga sekarang telah banyak menghasilkan generasi Islam yang berilmu dan beriman. Ungkapan ilmu dan iman merupakan dua ungkapan yang tidak boleh dipisahkan. Kedua-dua ungkapan ini adalah satu kesatuan yang harus dimiliki setiap manusia yang beriman kepada Allah S.W.T dan Rasulnya.

Pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah berasaskan kepada pendidikan Islam yang bersumber kepada al-Qur'an dan al-Hadis, yang mana mempunyai matlamat dan tujuan dalam pendidikan Islam untuk kepentingan agama dan Negara Republik Indonesia yang berasaskan Pancasila. Usaha-usaha al-Jam'iyatul Washliyah menumbuhkan lembaga-lembaga pendidikan Islam bererti membantu pemerintah (kerajaan) dalam urusan pembangunan nasional, yang mana matlamat pembangunan nasional memerlukan manusia yang berpendidikan, beriman dan berbudi perkerti yang mulia untuk kepentingan agama, negara dan masyarakat.

Maka dari itu penulis memaparkan peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam dunia pendidikan:

- a) Peranan Dalam Pendidikan Nasional.
- b) Peranan Dalam Pendidikan Islam.
- c) Peranan Dalam Masyarakat.

#### **4.1. Peranan Dalam Pendidikan Nasional**

Organisasi al-Jam'iyatul Washliyah sangat berperanan besar dalam pendidikan Nasional. Penglibatan institusi-institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah dalam pendidikan Nasional sangat dialu-alukan oleh Pemerintah Indonesia. Tujuan pendidikan Nasional dan pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah merupakan sebahagian tujuan pendidikan nasional sendiri.<sup>1</sup> Adapun fungsi pendidikan Nasional yang terdapat di dalam kurikulum 2004 dan lima Dharma Bakti (satu kesatuan), terdapat beberapa fungsi pendidikan Nasional di antaranya :

- a. Membina manusia Indonesia yang berakhlak tinggi (Moral Pancasila).
- b. Memenuhi keperluan tenaga kerja dalam segenap bidang dan tingkatan.
- c. Memajukan dan mengembangkan kebudayaan Nasional.
- d. Memajukan dan mengembangkan ilmu pengetahuan.
- e. Menggerakkan dan menyadarkan seluruh kekuatan rakyat untuk membangun masyarakat Indonesia baru.<sup>2</sup>

Huraian mengenai fungsi pendidikan nasional akan penulis paparkan di bawah iaitu:

---

<sup>1</sup>Rosyidin (1986), *Pokok-Pokok Ke Al-Wasliyah*, cet. II, Medan: Institut Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Al-Washliyah, h. 29.

<sup>2</sup> Mulyasa (2004), *Implementasi Kurikulum* , cet. I, Bandung; PT Rosdakarya, h. 6. Lihat: Estiko Suparjono (1965), *Sistim Pendidikan Nasional Pantjasila*, Djakarta: Bharata, h. 16.

### **A. Membentuk Manusia Yang Berakhlak Mulia.**

Al-Jam'iyatul Washliyah sebagai institusi pendidikan tradisional sangat memperhatikan pentingnya generasi muda Indonesia mempunyai akhlak yang mulia. Institusi al-Jam'iyatul Washliyah telah berjaya mendidik para pelajar berakhlak mulia, hal ini sesuai dengan matlamat pendidikan Nasional, sebagaimana penulis ungkapkan pada bab II.

Jadi, peranan institusi-institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah dalam pembinaan akhlak mulia ikut serta membangun bangsa Indonesia untuk membentuk pelajar-pelajar berakhlak yang mulia sebagai contoh kepada masyarakat. Hal ini dapat dibuktikan menerusi kurikulum di madrasah al-Jam'iyatul Washliyah yang mempunyai hubungkait langsung dengan pendidikan Islam seperti al-Qur'an, al-Hadis, al-Tafsir, al-Akhlak dan lain-lain. Bagi pelajar aliran sekolah umum didedahkan beberapa subjek pendidikan Islam dimasukkan ke dalam kurikulum di sekolah al-Jam'iyatul Washliyah, hal ini sebagaimana penulis ungkapkan pada bab III.

Selanjutnya penulis melakukan penyelidikan dengan menggunakan kaidah soal selidik kepada para pelajar, guru dan pengerusi al-Washliyah di Medan untuk mengetahui keberkesanan kurikulum pendidikan di sekolah-sekolah al-Jam'iyatul Washliyah. Berikut ini adalah paparan penulis mengenai bentuk soalan dan hasil dapatan soal selidik ini.

**Jadual 4.1. Apakah Dalam Pelajaran Atau Kurikulum Al-Jamiyatul Washliyah Yang Digunakan Telah Mempelajari Tentang Budi Pekerti Yang Mulia?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	250	83.4%
Tidak	50	16.6%
Jumlah	300	100%

Berdasarkan dari data di atas, maka didapati bahawa seramai 250 responden (83.4%) kurikulum al-Jamiyatul Washliyah yang digunakan telah mempelajari tentang budi pekerti mulia. Sedangkan seramai 50 responden (16.6%) kurikulum al-Jam'iyatul Washliyah yang digunakan tidak mempelajari tentang budi pekerti yang mulia.

**Jadual 4.2. Apakah Dalam Pelajaran Atau Kurikulum Al-Jamiyatul Washliyah Yang Digunakan Mempelajari Tentang Sopan Santun Terhadap Sesama?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	250	83.4%
Tidak	50	16.6%
Jumlah	300	100%

Berdasarkan dari data di atas, maka didapati bahawa seramai 250 responden (83.4%) kurikulum al-Jam'iyatul Washliyah yang digunakan telah mempelajari tentang sopan santun. Sedangkan seramai 50 responden (16.6%) kurikulum al-Jam'iyatul Washliyah yang digunakan tidak mempelajari tentang sopan santun.

**Jadual 4.3. Apakah Dalam Pelajaran Atau Kurikulum Al-Jam'iyatul Washliyah Yang Digunakan Mengandung Unsur Tentang Saling Menghormati Terhadap Sesama?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	250	83.4%
Tidak	50	16.6%
Jumlah	300	100%

Berdasarkan dari data di atas, maka jelaslah, bahawa seramai 250 responden (83.4%) kurikulum al-Jam'iyatul Washliyah yang digunapakai telah mempelajari tentang saling menghormati terhadap sesama. Sedangkan seramai 50 responden (16.6 %) kurikulum al-Jam'iyatul Washliyah yang digunakan tidak mempelajari tentang saling menghormati terhadap sesama.

Dari ketiga data di atas tersebut dapatlah penulis mengambil kesimpulan bahawa kurikulum al-Jam'iyatul Washliyah secara amnya mengandungi unsur pembentukan manusia yang berakhlak mulia sebagaimana termaklum di dalam tujuan pendidikan Al-Jam'iyatul Washliyah sesuai dengan tujuan pendidikan Nasional.

#### **B. Memenuhi Keperluan Tenaga Kerja Dalam Segenap Bidang Dan Tingkatan**

Institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah selain mendidik para pelajar menjadi manusia yang berilmu pengetahuan berasaskan ajaran agama Islam, juga sebagai lembaga pendidikan yang mensasarkan halatuju pendidikannya menepati tujuan sepertimana yang digariskan di dalam tuntutan pendidikan Nasional; dengan mengadakan pelbagai pelatihan kemahiran seperti; Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Projek al-Jam'iyatul Washliyah. Tujuan lembaga pendidikan SMK adalah seperti berikut:

- a) Memenuhi lapangan kerja serta dapat mengembangkan sikap profesional.
- b) Mampu memilih karier dan mengembangkan diri.
- c) Menjadi tenaga kerja peringkat menengah untuk mengisi keperluan industri.<sup>3</sup>

Dalam Peraturan Pelaksanaan Sistem Pendidikan al-Washliyah menyatakan tujuan SMK al-Jam'iyatul Washliyah iaitu mempersiapkan siswa (pelajar) untuk memasuki lapangan kerja dan mengembangkan sikap profesional. Berdasarkan dari tujuan SMK al-Jam'iyatul Washliyah dan tujuan lembaga SMK secara umum dapatlah penulis memahami SMK mendidik pelajar-pelajar yang berproduktif mampu berkerja sesuai dengan bidang kerja masing-masing.

Keberadaan SMK al-Jam'iyatul Washliyah pada masa sekarang dengan mengadakan pelatihan kemahiran bidang bengkel otomotif dan bengkel elektrik Projek Universiti Muslim Nusantara (UMN) al-Jam'iyatul Washliyah, bilangan muridnya seramai 920 orang, yang mana kedua –dua bengkel tersebut menggerakkan sistem praktikal secara bergilir dari semua kelas.<sup>4</sup>

Selanjutnya, para pelajar yang telah tamat belajar daripada Madrasah Al-Qismul 'Aly dan Aliyah Mu'allimin (Sekolah Menengah Tinggi Agama) al-Jam'iyatul Washliyah, sebahagian dari mereka berkhidmat sebagai cikgu di Madrasah Ibtida'iyah dan Madrasah Tsanawiyah. Hal ini disebabkan pengajaran subjek pelajaran agama

---

<sup>3</sup>Oemar Hamalik (ed) (2007), *Dasar-Dasar Pengembangan Kurikulum*, cet. I, Bandung: PT.Remaja Rosdakarya, h. 133.

<sup>4</sup>Temubual dengan guru otomotif Bapak Misman ST, dan guru elektrik Bapak Drs. Sudarno. Pada 25 hb Januari 2010 di ruang Praktik Teknik Otomotif Universiti Muslim Nusantara (UMN) al-Jam'iyatul Washliyah Medan.

dalam Al-Qismul‘Aly dan Aliyah Mu‘allimin al-Jam‘iyatul Washliyah kesemuanya merujuk kepada kitab-kitab berbahasa Arab.

**Jadual 4.4. Apakah Dalam Pelajaran Atau Kurikulum Al-Jam‘iyatul Washliyah Yang Digunakan Telah Dipersiapkan Untuk Memenuhi Industri Kerja?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	280	93.4%
Tidak	20	6.6%
Jumlah	300	100%

Berdasarkan dari data di atas, maka jelaslah bahawa seramai 280 responden (93.4%) responden menyatakan bahawa kurikulum al-Jam‘iyatul Washliyah yang digunapakai telah dipersiapkan untuk memenuhi piawaian industri kerja sesuai dengan bidang mereka masing-masing. Sedangkan yang menyatakan bahawa kurikulum al-Jam‘iyatul Washliyah tidak dipersiapkan untuk memenuhi piawaian industri kerja sesuai dengan bidang mereka masing-masing seramai 20 responden (6.6%).

**Jadual 4.5. Apakah Lulusan Al-Jam‘iyatul Washliyah Telah Terserap Sesuai Dengan Bidang Ilmu Dan Ketrampilan Di Industri Kerja?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	260	86.8%
Tidak	40	13.2%
Jumlah	300	100%

Berdasarkan dari data di atas, maka jelaslah, bahawa seramai 260 responden (86.8%) responden menyatakan bahawa lulusan al-Jam‘iyatul Washliyah mempunyai kelayakan dalam bidang ilmu dan ketrampilan dalam industri kerja. Sedangkan mereka

yang menyatakan bahawa lulusan al-Jam'iyatul Washliyah terserap tidak menepati dengan bidang ilmu dan ketrampilan di industri kerja 40 responden (13.2%).

Dari kedua data tersebut di atas, jelaslah bahawa kurikulum al-Jam'iyatul Washliyah terserap sesuai dengan bidang ilmu dan ketrampilan di industri kerja sesuai bidang masing-masing. Hal ini pula sesuai dengan pendapat Drs. Hj. Dariyansyah Emde, bahawa perkembangan pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah sekarang adalah mengutamakan pada sektor bimbingan skill dengan arti kata tamatan daripada lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah mampu berkerja.<sup>5</sup>

### **C. Memajukan Dan Mengembangkan Kebudayaan Nasional**

Kebudayaan sangat penting, kerana ianya merupakan identiti manusia yang berpendidikan. Untuk mencapai generasi muda Indonesia yang berkebudayaan Nasional, Al-Washliyah juga memperhatikan makna pentingnya kebudayaan Nasional bagi para pelajar dengan wujudnya beberapa subjek yang berhala tuju agar pelajar-pelajar mempunyai identiti kebudayaan Nasional seperti: pelatihan robbana dan pencak silat, kedua-dua kesenian ini terdiri dari ahli pelajar lelaki dan perempuan.

Selanjutnya, pelatihan budaya Islam robbana beranggotakan pelajar lelaki dan perempuan, bagi murid di jenjang madrasah dan sekolah rendah seperti Madrasah Ibtida'iyah dan Sekolah Dasar (SD) diajarkan lagu-lagu syiar Islam, bagi murid-murid pada jenjang sekolah menengah rendah dan menengah tinggi agama dan umum program diajarkan lagu syiar Islam dan pelatihan memukul gendang. Di samping itu juga, murid-murid al-Washliyah diajarkan lagu-lagu Nasional seperti lagu Kebangsaan.

---

<sup>5</sup>Temubual Dengan Drs. Hj. Dariyansyah Emde, Pengetua Majlis Pendidikan dan Kebudayaan (MPK), Al-Jam'iyatul Washliyah, Sumatera Utara Pada 8 Mac 2008 di rumah beliau Jln Selamat No. 48. Medan.

Hal ini dengan tujuan murid-murid al-Washliyah mempunyai jiwa Nasionalisme yang kuat.<sup>6</sup> Pencak silat yang diajarkan adalah kuda-kuda, gerak di tempat, tendangan kaki, cara menepis serangan dan lain-lain.<sup>7</sup>

**Jadual 4.6. Apakah Dalam Pelajaran Atau Kurikulum Al-Jam'iyatul Washliyah Yang Digunakan Telah Mengandung Unsur Untuk Memajukan Dan Mengembangkan Kebudayaan Nasional Indonesia?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	240	81.6%
Tidak	60	18.4%
Jumlah	300	100%

Berdasarkan dari data di atas, maka jelaslah bahawa seramai 240 responden (81.6 %) responden menyatakan bahawa kurikulum al-Jam'iyatul Washliyah yang digunakan telah mengandungi unsur-unsur untuk memajukan dan mengembangkan kebudayaan Nasional Indonesia. Sedangkan yang menyatakan bahawa kurikulum al-Jam'iyatul Washliyah yang digunapakai tidak mengandungi unsur-unsur untuk memajukan dan mengembangkan kebudayaan Nasional Indonesia adalah seramai 60 responden (18.4%).

<sup>6</sup>Temubual dengan Rahmat Spdi , beliau salah seorang guru pelatih Nasyid Al-Jamiy'atul Washliyah UNIVA Medan, pada 24 hb Januari 2010 di Pejabat Madrasah Thanawiyah Eks-PGA UNIVA.

<sup>7</sup>Temubual dengan Pak Tarigan, beliau salah seorang guru pelatih pencak silat al-Jamiy'atul Washliyah UNIVA Medan , Pada 24hb Januari 2010 di Komplek UNIVA.

**Jadual 4.7. Apakah Semua Siswa Wajib Mengikuti Kegiatan Ekstra-Kokulikuler Tentang Memajukan Dan Mengembangkan Kebudayaan Nasional Seperti Pelatihan Rabanna Dan Pencak Silat?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	240	81.6%
Tidak	60	18.4%
Jumlah	300	100%

Berdasarkan data di atas, maka jelaslah bahawa seramai 240 responden (81.6%) responden menyatakan bahawa kesemua pelajar wajib mengikuti kegiatan ekstra-kokulikuler tentang memajukan dan mengembangkan kebudayaan Nasional, seperti pelatihan rabanna dan pencak silat. Sedangkan yang menyatakan bahawa kesemua pelajar tidak wajib mengikuti kegiatan ekstra-kokulikuler tentang memajukan dan mengembangkan kebudayaan Nasional adalah seramai 60 responden (18.4%).

Dari kedua-dua data tersebut di atas, didapati bahawa kurikulum yang digunakan oleh al-Jam'iyatul Washliyah telahpun mengandungi unsur-unsur untuk memajukan mengembangan kebudayaan Nasional.

#### **D. Memajukan Dan Mengembangkan Ilmu Pengetahuan Dan Teknologi.**

Pada masa sekarang, terdapat dua hal penting yang tidak boleh ditinggalkan iaitu: Ilmu pengetahuan dan teknologi. Ilmu pengetahuan tanpa teknologi tidak akan menghasilkan manfaat bagi kehidupan manusia. Begitu pula teknologi tanpa ilmu pengetahuan tidak akan bergerak maju, maka dari itu amatlah penting kedua dua bidang tersebut. Al-Jam'iyatul Washliyah sangat mengambil berat mengenai pentingnya kedua dua bidang tersebut. Kewujudan aktiviti-aktiviti ekstra kurikulum yang bertemakan

IPTEK seperti pelatihan kemahiran komputer adalah sebagai salah satu buktinya keperluan al-Washliyah terhadap IPTEK.

Lembaga-lembaga pendidikan al-Washliyah senantiasa mengikuti arus perkembangan zaman tentang teknologi maklumat dari semasa ke semasa dengan mengadakan pelbagai pelatihan komputer, menerusi pengenalan dan pengajaran mengenai komputer di madrasah dan sekolah tajaan al-Washliyah. Pada masa yang sama, penggunaan internet pula telahpun diajarkan kepada murid-murid sekolah menengah rendah sehingga pelajar-pelajar menengah tinggi (agama dan umum).

**Jadual 4.8. Apakah Semua Siswa Mendapatkan Ilmu Pengetahuan Dan Teknologi (IPTEK) Seperti Pelatihan Komputer ?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	290	96.6%
Tidak	10	3.4%
Jumlah	300	100%

Berdasarkan dari data di atas, maka jelaslah bahawa seramai 290 responden atau (96.6%) menyatakan bahawa kesemua pelajar mendapatkan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi (IPTEK) seperti pelatihan komputer. Manakala seramai 10 responden atau (3.4%) menyatakan bahawa tidak semua pelajar mendapatkan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi (IPTEK) menerusi pelatihan komputer.

**Jadual 4.9. Apakah Al-Jamiyatul Wasliyah Mempersiapkan Segala Fasilitas Yang Berhubungan Dengan Kemajuan Dan Pengembangan Ilmu Pengetahuan Dan Teknologi (IPTEK) Bagi Semua Siswa ?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	160	51%
Tidak	140	49%
Jumlah	300	100%

Berdasarkan data di atas, maka jelaslah bahawa 160 responden (51%) al-Jam'iyatul Washliyah mempersiapkan segala fasilitas yang berhubungkait dengan kemajuan dan pengembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Sedangkan 140 responden (49%) al-Jam'iyatul Washliyah tidak mempersiapkan segala fasilitas yang berhubungkait dengan kemajuan dan pengembangan ilmu pengetahuan dan teknologi bagi semua siswa.

Dari kedua-dua data tersebut, jelaslah bahawa organisasi al-Jam'iyatul Washliyah mengembangkan ilmu pengetahuan bagi semua pelajar seperti pelatihan komputer. Fasilitas yang berhubungkait dengan kemajuan dan pengembangan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi (IPTEK) tidak mencukupi untuk semua pelajar kerana kekurangan dana. Hal ini berdasarkan pada dapatan penyelidikan penulis semasa melakukan peninjauan ke atas lembaga-lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah di Medan. Kemudahan komputer tidak mencukupi untuk para pelajar al-Washliyah.

**Jadual 4.10. Apakah Al-Jam'iyatul Washliyah Menyediakan Masa Pelatihan Kemahiran Bahasa Arab Dalam Masa Ekstra Kurikuler?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	43	14.33 %
Tidak	257	88.67 %
Jumlah	300	100%

Dari dapatan soal selidik di atas, maka jelaslah al-Jam'iyatul Washliyah telahpun menyediakan masa untuk pelatihan kemahiran bahasa Arab dalam masa ekstra kurikuler. Seramai 43 responden (14.33 %) menyatakan bahawa al-Jam'iyah Washliyah mempersiapkan pelatihan bahasa Arab di luar masa pembelajaran. Sedangkan mereka yang menyatakan bahawa al-Jami'yatul Washliyah tidak mempersiapkan ekstra kurikuler bagi semua pelajar adalah seramai 257 responden (88.67 %). Dari data tersebut di atas jelaslah kegiatan belajar bahasa Arab di luar masa pelajaran tidak diwajibkan kepada semua pelajar kerana pelatihan kemahiran bahasa Arab merupakan program mahasiswa dan mahasiswi.

Kurikulum bahasa Arab diajarkan di Madrasah Ibtida'iyah, Tsanawiyah, Al-Qismul'Aly dan Aliyah, sepertimana penulis paparkan pada bab III, program pengajaran al-Muhadatsah dan tata bahasa Arab seperti ; al-Nahwu dan al-Sharfu. Mengikut kepada pengalaman penulis, semasa belajar di al-Jam'iyatul Washliyah suatu ketika dahulu, pengecualian para pelajar sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan sekolah menengah tinggi dari program ekstra kurikuler pelatihan bahasa Arab adalah kurang berkesan. Para pelajar kurang mahir berbual dalam bahasa Arab, kerana minimnya praktikal bahasa. Pelatihan kemahiran bahasa Arab dalam masa ekstra kurikuler sebaiknya mengikutsertakan semua pelajar tanpa mengira jenjang pendidikan.

**Jadual 4.11. Apakah Al-Jam'iyatul Washliyah Menyediakan Pelatihan Da'i Dalam Ekstra Kurikuler?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	252	84%
Tidak	48	16 %
Jumlah	300	100%

Dari dapatan soal selidik di atas, maka jelaslah bahawa al-Jam'iyatul Washliyah telahpun menyediakan pelatihan da'i seramai 252 responden (84%). Adapun seramai 48 responden (16 %) menyatakan bahawa al-Jam'iyatul Washliyah tidak menyediakan pelatihan dai'i. Penulis mendapati bahawa al-Jam'iyatul Washliyah telahpun mempersiapkan program pelatihan para da'i. Hal ini berdasarkan pada keterangan daripada Biro Dakwah al-Jam'iyatul Washliyah sepertimana penulis telah kemukakan dalam bab II. Antaranya fungsi Biro Dakwah tertera dalam *Aggaran Dasar Dan Rumah Tangga pada fasal 7*.

**Jadual 4.12. Apakah al-Jam'iyatul Washliyah Menggalakan Kepada Semua Pelajarnya Untuk Berpartisipasi Dalam Kegiatan Majlis Ta'lim Di Setiap Masjid Di Bandar Medan?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	42	14 %
Tidak	258	86 %
Jumlah	300	100%

Dari dapatan soal selidik di atas, maka didapati seramai 42 responden (14%) menyatakan bahawa al-Jam'iyatul Washliyah mewajibkan kepada semua pelajar mengikuti kegiatan majlis ta'lim. Sedangkan mereka seramai 258 responden (86%)

menyatakan bahawa al-Jam'iyatul Washliyah tidak mewajibkan kepada semua pelajarinya mengikuti kegiatan majlis ta'lim. Dapatan data di atas menunjukkan bahawa al-Jam'iyatul Washliyah tidak mewajibkan kepada semua pelajarinya untuk mengikuti program majlis ta'lim. Kegiatan majlis ta'lim yang sedia ada adalah diperuntukan bagi mereka para guru dan para ulama yang mempunyai kebolehan dalam bidang ilmu tertentu sahaja. Sedangkan bagi mereka, para pelajar pada peringkat perguruan tinggi yang berminat mengikuti program majlis ta'lim bolehlah berhubung dengan Biro Dakwah al-Jam'iyatul Washliyah.

Mengikut kepada pendapat Hj. Muhammad Nasir Lc. MA, dipahamkan bahawa kegiatan syiar agama seperti mana majlis ta'lim di beberapa masjid atau surau sekitar Medan selalunya mengikutsertakan para guru dan ulama- ulama al-Jam'iyatul Washliyah.<sup>8</sup>

#### **E. Menyadarkan Seluruh Rakyat Untuk Membangun Masyarakat Dan Manusia Indonesia.**

Bengkel otomotif dan Bengkel elektrik untuk pelajar SMK adalah tajaan projek Universiti Muslim Nusantara (UMN) al-Jam'iyatul Washliyah. Lembaga tersebut menyediakan ruang praktikal teknik otomotif dan ruang praktikal elektrik untuk para pelajar.

**Jadual 4.13. Apakah Dibagi Kesempatan Kepada Masyarakat Untuk Mengikuti Pelatihan Kemahiran Berbagai Bidang Di Al-Jam'iyatul Washliyah?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	20	3.4%
Tidak	280	96.6%
Jumlah	300	100%

<sup>8</sup> Temubual dengan Hj. Muhammad Nasir Lc. MA, beliau Timbalan Rektor al-Jam'iyatul Washliyah UNIVA. Pada 23 November 2010 di Biro Rektor Universiti al-Washliyah (UNIVA).

Berdasarkan data di atas, seramai 20 responden (3.4%) menyatakan bahawa al-Jam'iyatul Washliyah menyediakan kesempatan kepada masyarakat untuk mengikuti program pelatihan kemahiran pelbagai bidang. Sedangkan seramai 280 responden (96.6%) menyatakan bahawa al-Jam'iyatul Washliyah tidak menyediakan kesempatan kepada masyarakat untuk mengikuti program pelatihan kemahiran pelbagai bidang. Dari data di atas, menunjukkan bahawa kesempatan yang disediakan bagi masyarakat untuk mengikuti pelatihan kemahiran pelbagai bidang adalah minim.

**Jadual 4.14. Apakah Penglibatan Para Pelajar SMK Dengan Pelatihan Kemahiran di Masyarakat Medan?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	231	77 %
Tidak	69	23 %
Jumlah	300	100%

Dari hasil soal selidik di atas, seramai 231 responden (77%) menyatakan bahawa para pelajar SMK berkhidmat kepada masyarakat. Sedangkan seramai 69 responden (23 %) menyatakan bahawa para pelajar SMK tidak berkhidmat kepada masyarakat. Dari hasil soal selidik di atas, didapati bahawa para pelajar SMK al-Jam'iyatul Washliyah telahpun melakukan khidmat kepada masyarakat sebagaimana pernyataan Pak Misnan. Dia menyatakan bahawa sememangnya para pelajar SMK telahpun memberikan khidmat kepada masyarakat Islam, khususnya di Medan. Adapun mengenai keikutsertaan masyarakat di dalam program pelatihan kemahiraan khususnya di bidang otomotif dan elektrik tidak dibagi kesempatan karena minimnya fasiliti yang sedia ada.<sup>9</sup>

<sup>9</sup> Temubual dengan Pak Misnan ST (Serjana Teknik) pada 24 nov 2010, *op.cit*.

### **4.3 Peranan Dalam Pendidikan Islam**

Pendidikan merupakan matlamat yang paling penting untuk kehidupan manusia, tanpa pendidikan manusia tak akan maju, baik dari segi pola fikir mahupun peradaban. Kegiatan pendidikan yang dilaksanakan al-Jam'iyatul Washliyah sebelum kemerdekaan Indonesia sangat berperanan aktif membebaskan bangsa Indonesia dari kebodohan khususnya masyarakat Islam. Pada masa penjajahan Belanda sistem pendidikan yang sekuler, maka daripada itu awal penubuhan al-Jam'iyatul Washliyah mengambil langkah menubuhkan madrasah-madrasah al-Jam'iyatul Washliyah .

Organisasi al-Washliyah sangat berperanan aktif dalam pendidikan Islam, hal ini dapat dibuktikan dengan keterlibatan tokoh-tokoh pendiri al-Jam'iyatul Washliyah yang memajukan organisasi tersebut seperti Hj. Abdurrahman Syihab dan Hj. Udin Syamsuddin telah berhasil mendirikan institusi pendidikan Islam cawangan Al-Jam'iyatul Washliyah yang dirikan di Medan sebagaimana penulis paparkan pada bab II dan III.

Peranan al-Jam'iyatul Washliyah untuk memajukan pendidikan Islam terus berkembang dari semasa ke semasa. Hal ini dapat dilihat pada penubuhan lembaga pendidikan peringkat prasekolah sampai peringkat perguruan tinggi agama dan umum. Demikian telah penulis paparkan pada bab II dan III.

Selain itu, mengapa al-Jam'iyatul Washliyah dalam pendidikan Islam sangat berperanan aktif, kerana memajukan pendidikan Islam adalah satu perkara penting. Hal ini ditandai dengan penubuhan lembaga pendidikan iaitu lembaga pendidikan agama dan lembaga pendidikan umum. Penubuhan ini tidak terlepas dari tuntutan pendidikan Islam, yangmana menyatakan bahawa menuntut ilmu pengetahuan tidak setakat terhad

kepada ilmu pengetahuan agama sahaja. Oleh itu, perlulah kita mempelajari ilmu pengetahuan umum. Kewujudan beberapa subjek umum di madrasah-madrasah al-Jam'iyatul Washliyah adalah sebagai bukti bahawa lembaga pendidikan Islam tidak menyetujui pendidikan umum. Hal demikian telah penulis paparkan pada bab III.

Untuk meningkatkan mutu lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah Majelis Pendidikan dan Kebudayaan Al-Washliyah mengirim pelajar-pelajar keluar Negara. Menurut Drs. Hj. Nizar Syarif menyatakan pelajar Al-Jam'iyatul Washliyah peringkat menengah tinggi agama seperti Aliyah Mu'allimin (MAM) dan Al-Qismul 'Aly (MAQ) banyak melanjutkan pendidikan di luar Negeri seperti ; Mesir, Libya, Syria, Saudi Arabia dan lain-lain.<sup>10</sup>

Menurut penelitian Syamsuddin Ali Nasution, beliau menyatakan bagi pelajar-pelajar yang tinggal di asrama Projek Al-Jam'iyatul Washliyah, kewajiban Ketua Yayasan untuk memberi pendidikan kepada anak yatim dan fakir miskin dari peringkat rendah hingga peringkat menengah, sama ada bidang akademik mahu pun bidang agama, malahan ada sebahagian pelajar yang duduk di asrama tersebut ingin melanjutkan pengajian di perguruan tinggi dalam Negara dan Luar Negara di bantu oleh Ketua Yayasan asrama mengenai biaya pendidikan.<sup>11</sup>

Lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah telah banyak melahirkan ulama-ulama yang produktif dan melahirkan generasi Islam yang produktif yang

---

<sup>10</sup> Temubual dengan Drs. Hj. Nizar Syarif Ketua (PW), Al-Jam'iyatul Washliyah Medan al-Jam'iyatul Washliyah Medan Pada hari Kamis 6 Mac 2008, di Surau (PW) Al-Washliyah Medan.

<sup>11</sup> Penelitian Syamsuddin Ali Nasution (1999), *Al-Jam'iyatul al-Washliyah Dan Peranannya Dalam Dakwah Islamiyah Indonesia*, Tesis Ph.D. Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 178

mempunyai kemampuan di bidang masing-masing. Sedangkan menurut ilmu pendidikan bahawa manusia produktif iaitu:

- a) Manusia yang mampu bekerja, berkarya dan merasa mengenal serta menguasai metode-metode kerjayanya.
- b) Menerima dirinya sendiri secara ikhlas, dengan segenap kebaikan dan kekurangannya, dia tidak membuang masa untuk menikmati kelebihan yang ada pada dirinya atau meragukan kekurangan dirinya, dia lebih banyak mempergunakan waktunya untuk melahirkan apa yang dapat dilakukan.<sup>12</sup>

Hal ini dapat di buktikan dari tamatan institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah, mereka ada yang terlibat di bidang pengajaran di tim pengajar dan mencampuri bidang yang lain.<sup>13</sup> Di tim pengajar seperti: Dr. Hj. Muslim Nasution, MA, Hj. Jalaluddin Abdul Muthalib MA, Hj. Maktab Kudadiri MA, Drs. Hj. Usman Serawi, MA.

Mereka adalah belajar di perguruan tinggi di luar negeri (Timur Tengah)<sup>14</sup>, Drs. Hj. Usman Serawi, MA (Madinah) jabatan penarah Universiti Sumatera Utara (USU), Hj. Jalaluddin Abdul Muthalib, MA (Libya), Timbalan Rektor Universiti Al-Washliyah (UNIVA) Al-Wasliyah dan penarah UNIVA, Hj. Maktab Kudadiri, MA (Libya) jabatan penarah Universiti Sumatera Utara (USU), Lukman Thaib (Libya) jabatan penarah Universiti Islam Malaysia dan lain-lain<sup>15</sup>.

---

<sup>12</sup>Muchtar Buchari (1994), *Ilmu Pendidikan Dan Praktik Pendidikan*, cet.I, Jakarta: IKIP Muhammadiyah Press, h. 75.

<sup>13</sup>Temubual dengan Drs. Hj. M. Silahuddin Spdi. Kepala Sekolah Aliyah Ismailiyah Pada 6hb Mac 2008 di Pejabat Madrasah Al-Qismul' Aly, Jalan. Ismailiyah, Medan.

<sup>14</sup>Syahrul AR EL-Hadidhy, *et al* (2006), *Pendidikan Ke Al-Washliyah*, Medan, Majlis Pendidikan dan Kebudayaan Al-Jam'iyatul Wasliyah., h. 4., untuk keterangan lebih lanjut tentang ulama-ulama al-Washliyah dari periode 1930-2006 lihat: Syahrul AR EL-Hadidhy, *et al* (2006), *op. cit.*, h. 38-39.

<sup>15</sup>M.Hasballah Thaib (1993), *Universitas Al-Washliyah Medan, lembaga pengkaderan Ulama di Sumatera Utara*, Medan: Universitas Al- Washliyah, h. 275.

Pada masa sekarang, para graduan dari universiti Timur Tengah telah banyak mencurahkan bakti di pelbagai lembaga pendidikan samada lembaga milik kerajaan ataupun swasta. Seperti menjadi pensyarah di perguruan tinggi seperti Hj. Muhammad Nasir, Lc. MA (Mesir) jabatan Timbalan Rektur IV Universiti Al-Washliyah (UNIVA), Hj. Darwin Zainuddin, Lc. MA (Syria dan Sudan), jabatan Pensyarah Intitut Agama Islam Negeri (IAIN) dan Perguruan Tinggi Darmawangsa ( Swasta), Prof. Dr. Hj. Ramli Abdul Wahid (Libya), jabatan Timbalan Rektor IV Intitut Agama Islam Negeri (IAIN) dan masih banyak lagi lulusan lembaga pendidika al-Jam'iyatul Washliyah sebagai pensyarah.<sup>16</sup>

Dari pernyataan di atas penulis mengambil kesimpulan peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam pendidikan Islam mencerdaskan bangsa khususnya masyarakat Islam dengan mendirikan lembaga pendidikan agama dan lembaga pendidikan umum, dalam usaha memajukan mutu pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah mengikuti program pemerintah dengan memasukkan pelajar umum di madrasah. Hal ini dengan tujuan memudahkan bagi pelajar untuk mendapat perkerjaan milik pemerintah. Dalam usaha meningkat meningkat mutu pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah mengirim pelajar-pelajar ke luar Negara sejak dahulu sampai sekarang.

**Jadual 4.15. Apakah Ramai Masyarakat Yang Menghantar Anak-Anaknya Pergi belajar di lembaga pendidikan Islam yang diselenggarakan oleh Al-Jam'iyatul Washliyah?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	223	74.3 %
Tidak	177	25.7 %
Jumlah	300	100%

<sup>16</sup> Temubual dengan Drs. Hj. Ahmad Mukyar SH, Timbalan Ketua Majlis Pendidikan dan Kebudayaan (MPK) al-Jamiy'atul Washliyah Sumatera Utara, 21 November 2010. Di Pimpinan Wilayah (PW) al-Jam'iyatul Washliyah Medan.

Dari hasil soal selidik di atas, seramai 223 responden (74.3%) menyatakan bahawa mendapat perhatian dari masyarakat. Sedangkan seramai 177 responden (22.7%) menyatakan tidak mendapat perhatian dari masyarakat lembaga pendidikan tajaan al-Jam'iyatul Washliyah. Dari hasil di atas, didapati bahawa pendidikan yang diselenggarakan oleh organisasi al-Jam'iyatul Washliyah mendapat sambutan yang baik dari masyarakat. Menurut Biro Pendidikan dan Kebudayaan al-Jam'iyatul Washliyah, ramai masyarakat yang berminat untuk belajar di lembaga tersebut. Akan tetapi, pada masa sekarang lembaga ini menghadapi kekurangan ruang belajar bagi menampung pelajar.

**Jadual 4.16. Apakah Aliran Sekolah Agama Yang Menjadi Pilihan Masyarakat Menghantar Anak-Anaknya Pergi Belajar Di Al-Jam'iyatul Washliyah?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	205	68.3 %
Tidak	195	31.7 %
Jumlah	300	100%

Dari hasil soal selidik di atas, seramai 205 responden (68.3%) menyatakan ramai di antara orang tua menghantar kanak-kanak ke madrasah (sekolah agama). Sedangkan seramai 195 responden (31.7%) menyatakan bahawa tidak ramai di antara orang tua yang menghantar kanak-kanaknya ke sekolah aliran umum. Dari data di atas menunjukkan bahawa aliran madrasah adalah lebih diminati oleh masyarakat.

**Jadual 4.17. Apakah Al-Jam'iyatul Washliyah Tidak Membezakan Antara Pendidikan Agama Dan Pendidikan Umum ?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	300	100%
Tidak	0	0 %
Jumlah	300	100%

Berdasarkan data di atas, seramai 300 responden ( 100%) menyatakan bahawa lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah tidak membeza-bezakan antara pendidikan agama dan umum. Tidak didapati responden (0%) yang menyatakan lembaga pendidikan itu membezakan antara pendidikan agama dan pendidikan umum. Dari data di atas menunjukkan al-Jam'iyatul Washliyah tidak membezakan kedua-dua pendidikan agama dan umum. Tidak ada sebarang kekurangan dari aspek kualiti dan keistimewaan.

Hal ini sesuai dengan pendapat Muhammad Syaifuddin, beliau menyatakan; peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam pendidikan Islam dengan mendirikan madrasah (lembaga pendidikan agama) dan sekolah (lembaga pendidikan umum). Kerana keduanya amat penting dalam mengembangkan ilmu pengetahuan sesuai dengan tuntutan zaman.<sup>17</sup>

---

<sup>17</sup> Samsul Nizar, (ed) (2008), *Sejarah Pendidikan Islam Menelusuri Jejak Sejarah Pendidikan Era Rasulullah Sampai Indonesia*, cet. II, Jakarta: Kencana Prenada Media Group, h.339

**Jadual 4.18. Apakah Sekolah Al-Jam'iyatul Washliyah Menyediakan Asrama Bagi Para Pelajar Yang Datang Dari Kawasan Luar Medan?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	298	99.34%
Tidak	2	0.66 %
Jumlah	300	100%

Berdasarkan data di atas, seramai 298 responden (99.34%) menyatakan menyediakan asrama untuk para pelajarnya. Sedangkan 2 responden (0.66%) menyatakan tidak menyediakan asrama untuk para pelajarnya. Data di atas, menunjukkan bahawa lembaga pendidikan Islam al-Jam'iyatul Washliyah berperanan aktif menjalankan amal sosial menerusi penyediaan asrama khas untuk anak yatim dan fakir miskin.

**Jadual 4.19. Apakah lembaga Pendidikan Islam Al-Jam'iyatul Washliyah Menunjukkan Peningkatan Dari Tahun Ke Tahun?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	278	92.66 %
Tidak	22	7.34 %
Jumlah	300	100%

Berdasarkan data di atas, seramai 278 responden (92.66%) menyatakan penubuhan lembaga-lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah berkembang. Sedangkan seramai 22 responden (7.34%) menyatakan tidak ada perkembangan kuantiti bilangan intitusi pendidikan Islam. Dapatan di atas menunjukkan bahawa lembaga pendidikan Islam al-Jam'iyatul Washliyah terus berkembang.

Mengikuti keterangan Drs. Hj. Ahmad Mukhyar bahawa lembaga pendidikan UNIVA tajaan al-Jam'iyatul Washliyah telah menambahkan lagi bangunan baru seperti Sekolah Menengah Umum (SMP) setingkat dengan sekolah menengah rendah. Sekarang ini bilangan pelajar semakin bertambah ramai yang mendaftar masuk di lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah.<sup>18</sup>

**Jadual 4.20. Apakah Para Lulusan Daripada Lembaga Pendidikan Al-Jam'iyatul Washliyah Memperolehi Penerimaan Positif Dari Lembaga Swasta Dan Lembaga Kerajaan?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	300	100 %
Tidak	0	0%
Jumlah	300	100%

Berdasarkan data di atas, seramai 300 responden (100%) menyatakan wujud penerimaan positif dari kerajaan dan swasta terhadap lulusan al-Jam'iyatul Washliyah. Tidak ada responden (0%) yang menyatakan lulusan dari lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah tidak di terima di lembaga kerajaan dan swasta. Dari data di atas menunjukkan bahawa para lulusan al-Jam'iyatul Washliyah memperolehi penerimaan positif dari lembaga-lembaga kerajaan dan swasta. Oleh itu, para lulusan yang diterimapakai di dalam lapangan kerja kerajaan dan swasta adalah menepati sasaran sepertimana yang diharapkan oleh lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah. Harapan itu dibuktikan menerusi pengikutsertaan semua pelajarinya mengikuti peperiksaan Nasional (peperiksaan yang ditaja oleh kementerian pendidikan).

<sup>18</sup> Temubual dengan Drs. Hj. Ahmad Mukhyar, 21 November 2010 *op.cit.*

**Jadual 4.21. Apakah Al-Jam'iyatul Washliyah Mengadakan Program Penghantaran Lulusan Aliyah Pergi Belajar Ke Luar Negara Khususnya Ke Timur Tengah?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	300	100 %
Tidak	0	0 %
Jumlah	300	100%

Berdasarkan data di atas, seramai 300 responden (100 %) menyatakan mengadakan program penghantaran para pelajarinya untuk menuntut pada pelbagai universiti di Timur Tengah. Tidak didapati responden (0%) yang menyatakan tidak ada program penghantaran para pelajarinya pergi menuntut di pelbagai universiti di Timur Tengah. Hasil data di atas, menunjukkan bahawa lembaga pendidikan Islam al-Jam'iyatul Washliyah sangat berperanan dalam meningkatkan mutu pendidikan lulusannya sebagai anak bangsa khususnya umat Islam. Biro Pendidikan dan Kebudayaan al-Jam'iyatul Washliyah menghulurkan bantuan kepada para pelajar untuk meneruskan pelajaran ke luar negara. Seperti membekali para pelajarinya dengan surat akuan (borang rekomendasi). Surat akuan ini penting kerana ianya boleh dijadikan alat untuk memastikan para pelajarinya memperolehi bantuan kewangan yang sewajarnya. Bantuan dari kerajaan negeri, masyarakat dan agensi lain amatlah dialu-alukan. Suatu ketika dahulu penulis pernah mengantongi surat akuan dari al-Jam'iyatul Washliyah ketika akan pergi menuntut di sebuah universiti luar negara ( Syria).

**Jadual 4.22. Apakah Respon Tenaga Pengajar Terhadap Kurikulum Pendidikan Al-Jam'iyatul Washliyah Yang Berasaskan Surat Keputusan Bersama (SKB) Tiga Menteri (Kementerian Agama, Kementerian Pendidikan Nasional Dan Kementerian Dalam Negeri) ?**

Jawapan	F	Peratus
Ya	294	98 %
Tidak	6	2 %
Jumlah	300	100%

Berdasarkan data di atas seramai 294 responden (98 %) menyatakan bersetuju dengan kurikulum (SKB) 3 Menteri digunakan di madrasah. Sedangkan hanya seramai 6 responden (2%) yang menyatakan tidak bersetuju dengan kurikulum (SKB) 3 Menteri digunakan di madrasah. Menurut Biro Pendidikan dan Kebudayaan al-Jam'iyatul Washliyah menyatakan bahawa sistem pendidikan (SKB) 3 Menteri yang menjadi ikon pendidikan Islam al-Washliyah bertujuan agar para lulusan madrasah memiliki kesetaraan dengan para lulusan sekolah umum.

**A. Membentuk Manusia Yang Beriman Dan Berbudi Pekerti Yang Mulia**

Subjek agama yang diajarkan di madrasah dapat memberi kesan kepada murid-murid mencerminkan akhlak yang mulia sesuai dengan tuntutan Islam. Manakala subjek agama yang diajarkan di sekolah hanya sedikit sahaja. Padahal subjek agama merupakan mata pelajaran asas untuk membentuk manusia yang beriman dan berbudi pekerti yang mulia.

Atas kebijaksanaan Majlis Pendidikan dan Kebudayaan al-Jam'iyatul Washliyah di Medan menganjurkan di lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah khasnya di Medan bagi murid-murid yang belajar di sekolah umum al-Washliyah

program khusus di luar jam pelajaran, seperti praktikal sholat untuk murid Sekolah Dasar (SD), manasik haji bagi murid Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan Sekolah Menengah Atas (SMA).

Di samping itu juga, lembaga-lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah mengadakan perhimpunan murid-murid pada hari-hari tertentu seperti hari-hari besar Islam, di antaranya: Maulid Rasul, Isra' Mi'raj dan lain-lain. Perhimpunan tersebut diisi dengan ceramah-ceramah agama yang berhubungan tentang keimanan, akhlak, ibadah dan lain-lain. Para penceramah ulama-ulama Al-Jam'iyatul Washliyah sendiri dan ulama –ulama jemputan.

## **B. Berpengetahuan Yang Luas**

Peranan al-Jam'iyatul Washliyah dalam pendidikan Islam tidak setakat pendidikan agama sahaja akan tetapi pendidikan umum juga memainkan peranan penting. Madrasah-madrasah di organisasi al-Jam'iyatul Washliyah dengan matlamat mendidik para pelajar al-Jam'iyatul Washliyah menjadi generasi Islam yang tangguh dan mempunyai pola fikir yang luas, serta mempunyai wawasan keagamaan dan kebangsaan Indonesia yang luas.

Hal ini terbukti dari kurikulum yang diajarkan di madrasah-madrasah al-Jam'iyatul Washliyah seperti Madrasah Ibtida'iyah Diniyah (MID) subjek umum 1%, Tsanawiyah umum 37%, Aliyah Mu'allimin (MAM) dan Al-Qismul 'Aly (MAQ) 46%. Dalam data ini, menunjukan bahawa al-Jam'iyatul Washliyah sangat berperan aktif memajukan mutu pendidikan Islam, sebagaimana kita ketahui pendidikan Islam merangkumi masalah yang berhubungan dunia dan akhirat.

Sebagaimana menurut pernyataan Chalidjah Hasan: keharusan mempelajari sains adalah bersumber al-Qur'an yang telah membincangkan persoalan alam, ini sangat penting untuk mengingatkan manusia supaya mengkaji dan meneliti kejadian alam dan sebagainya, hal ini membuktikan kekuasaan dan kebesaraan Allah.<sup>19</sup> Kesimpulan pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah mengikuti perkembangan zaman dengan menyatupadukan pendidikan agama dan pendidikan umum agar pelajar-pelajar mampu bersaing dengan lembaga-lembaga pendidikan yang lain, dengan kata lain lulusan dari lembaga-lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah khususnya di bidang agama tidak hanya mengetahui masalah-masalah agama sahaja.

#### **4.4 Peranan Dalam Masyarakat**

Kewajiban belajar memberikan kemungkinan kepada setiap Bangsa Indonesia untuk mendapat pendidikan dan pengajaran dasar. Dengan pendidikan dapat menguasai ilmu moden, sesuai dengan tuntutan zaman. Hal tersebut diperlukan untuk masyarakat dan negara.<sup>20</sup> Ilmu pengetahuan kependidikan dan keterampilan adalah sangat diperlukan oleh manusia untuk menentukan jalan hidup dalam masyarakat dan memahami hak dan kewajiban sebagai manusia.

Juga dengan ilmu pengetahuan, manusia dapat menentukan jalan hidup dalam masyarakat dan memahami hak dan kewajiban terhadap Tuhan. Oleh sebab itu,

---

<sup>19</sup> Chalidjah Hasan ( 1995), *Kajian Perbandingan Pendidikan*, cet. I, Surabaya: Al-Ikhlash, h. 190.

<sup>20</sup> Estiko suparjono (1966), *Sistem Pendidikan Nasional Pantjasila*, Djakarta: Bhatara, h. 105.

pendidikan dan pengajaran menuju arah perkasaan pengetahuan dan kelanjutan ke arah kemajuan teknologi yang bermanfaat bagi kehidupan manusia.<sup>21</sup>

Adapun bagi pelajar madrasah yang mengabdikan kepada masyarakat, terbukti dari aktivitas pelajar-pelajar peringkat menengah tinggi agama seperti Al-Qismul 'Aly dan Aliyah Mu'allimin telah menyalurkan perkhidmatan mereka untuk masyarakat, di antara perkhidmatan mereka seperti: menjadi imam dan muazin di masjid dan surau.<sup>22</sup>

Setiap akhir semester bagi mahasiswa dan mahasiswi semester lapan diwajibkan kepada mereka mempraktikkan ilmu-ilmunya di institusi-institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah. Di antara peranan mahasiswa dan mahasiswi tersebut ialah:

- 1) Mengadakan pertemuan dengan tokoh-tokoh masyarakat dan pimpinan organisasi Islam dan tokoh-tokoh pendidikan.
- 2) Mengadakan penataran para da'i, guru agama Islam agar mereka lebih berhasil dalam kegiatan.
- 3) Mengadakan kegiatan dakwah, ceramah pada hari-hari besar Islam, kegiatan dakwah yang diprakarsai oleh pemerintah mahupun masyarakat.<sup>23</sup>
- 4) Mengajar di sekolah-sekolah yang terdapat di kampung tersebut, dengan materi-materi terkini termasuk teknologi maklumat
- 5) Membentuk remaja masjid untuk penduduk kampung.
- 6) Mengadakan pesantren kilat selama tiga bulan untuk anak-anak dan orang dewasa. Materi yang diajarkan masalah-masalah yang berhubungan pendidikan, fardu a'in pengajian al-Qur'an dan lain-lain.

---

<sup>21</sup> Soegarda Doerbakawatga (1975), *Suatu Pemikiran Mengenai Pendidikan di Indonesia*, cet. III, Jakarta: Yayasan Dayu, h. 22-23.

<sup>22</sup> Temubual dengan Drs. Hj. Nizar Syarif pada 6 Mac 2008, *op. cit.*

<sup>23</sup> M.Hasballah Thaib (1993), *op. cit.*, h. 344.

Disisi lain ikut serta membantu penduduk desa dalam hal gotong-royong membersihkan jalan-jalan, membersihkan kuburan orang Islam dan lain-lain.<sup>24</sup> Adapun yang dilakukan oleh mahasiswa dalam rangka penerapan ilmu pengetahuan kepada pengabdian masyarakat. Menurut M. Hasballah Thaib, beliau menyatakan mahasiswa UNIVA al-Washliyah melaksanakan kegiatan seperti khutbah jum'at, hari besar Islam seperti Maulid Rasul, Isra' Mi'raj dan Majelis Ta'lim pada bulan Ramadhan mengupas masalah-masalah yang berhubungan dengan Islam.<sup>25</sup>

#### **4.4 Masalah Di Hadapi Oleh Institusi-Institusi Al-Jam'iyatul Washliyah**

##### **4.4.1. Dana (Kewangan)**

Permasalahan dana (kewangan) merupakan salah satu masalah yang dapat menghambat untuk mencapai matlamat dan kemajuan pendidikan. Pendidikan sangat memerlukan dana yang cukup besar. Dana tersebut diperuntukkan bagi penyediaan sarana dan prasarana untuk menunjang majunya pendidikan. Menurut pendapat Drs. Hj. Muhammad Rusdi, beliau menyatakan bahawa permasalahan yang dihadapi institusi-institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah yang paling utama iaitu; masalah dana (kewangan), tanpa dana kita tidak boleh mencapai tujuan pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah itu dengan hasil yang memuaskan.<sup>26</sup>

Institusi-institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah sebagaimana penulis jelaskan pada bab III menyediakan institusi pendidikan agama dan umum untuk pendidikan keperluan masyarakat, berdasarkan penelitian sumber kewangan organisasi al-Jam'iyatul Washliyah di dapat dari sumber-sumber berikut:

---

<sup>24</sup> Temubual dengan Drs. Hj. Dariyansyah Emde pada 8 Mac 2008, *op. cit.*

<sup>25</sup> M.Hasballah Thaib (1993), *op.cit.*, h. 322.

<sup>26</sup> Temubual dengan Hj. Muhammad Rusdy, beliau Timbalan keungan madrasah ( PKM ) II MAS Mu'allimin UNIVA pada Kamis, Pada 5hb Jun 2008, di Pejabat Mu'allimin UNIVA, Jalan: Sisingamangaraja km. 55, Medan.

1. Sumbangan dari anggota al-Washliyah.
2. Sumbangan orang yang dermawan.
3. Sumbangan dari Pemerintah.
4. Wang pendaftaran dari pelajar-pelajar.
5. Wang pemeriksaan pelajar-pelajar.
6. Wakaf dan hadiah.
7. Sumbangan pemerintah setempat.<sup>27</sup>

Sumber-sumber di atas, tidak mencukupi pembiayaan institusi-institusi al-Jam'iyatul Washliyah. Juga sumbangan dari pemerintah Indonesia tidak mencukupi, boleh dikatakan hanya sedikit sahaja bantuan dari pemerintah, pada hal biaya pendidikan amat penting sebagai titik tolak maju atau mundurnya institusi pendidikan. Setelah penulis menganalisis beberapa buku di antara sebab-sebab bantuan kerajaan kurang mencukupi pada masa dahulu iaitu:

- a) Sebagai pemegang mazhab Syafi'i institusi-institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah tidak mengambil kredit bank.
- b) Disebabkan warga al-Jam'iyatul Washliyah tidak mendukung parti politik yang berkuasa, sehingga bantuan pemerintah kurang memberangsangkan, kalau dibandingkan dengan lembaga-lembaga pendidikan yang menyokong pemerintah.<sup>28</sup>
- c) Di lembaga-lembaga perguruan al-Jam'iyatul Washliyah kurang dominan.

---

<sup>27</sup> Temubual dengan Drs. Hj. Nizar Syarif pada 6 Mac 2008, *op .cit.*

<sup>28</sup> M.Hasballah Thaib, (1993), *op. cit.*, h. 319.

Menurut pendapat penulis, sebagai organisasi terbesar di Sumatera Utara janganlah mengharap bantuan pemerintah dan sumbangan-sumbangan dari masyarakat dan wang pendaftaran dari pelajar-pelajar sahaja. Alangkah baiknya pengurusan pendidikan memikirkan mencari jalan untuk menghasilkan wang. Hal ini terbukti dari pernyataan di bawah ini:

1. Dari kehidupan warga al-Jam'iyatul Washliyah pada amnya selalu membincangkan masalah yang berhubungan dengan politik, agama, sosial dan pendidikan, tetapi dalam memajukan dalam bidang ekonomi, produksi, industri, perbankan kurang diperhatikan.
2. Kurangnya memperhatikan kesejahteraan ekonomi anggotanya dan tidak membuat persatuan dan kesatuan para pengusaha, pedagang dan lain-lain.<sup>29</sup>

Penulis menyokong pendapat yang kedua, karena zaman sekarang keperluan kehidupan semakin besar, untuk memajukan organisasi al-Washliyah perlu dana yang cukup. Jalan keluar mencari dana menggali sumber ekonomi. Usaha al-Jam'iyatul Washliyah dalam pembangunan ekonomi kurang menyerlah .

#### **4.4.2 Kekurangan Fasiliti Dan Peralatan**

Kekurangan fasiliti di institusi-institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah terlihat jelas. Perlengkapan dan peralatan kemudahan pelajar-pelajar cukup memadai, hal ini dapat memberi hambatan dalam proses pembelajaran dan boleh juga menjejaskan mutu pendidikan. Kemajuaan pendidikan harus dilengkapi dengan prasarana yang cukup. Di antara fasiliti-fasiliti yang ada masa sekarang di institusi-institusi al-Jam'iyatul Washliyah ialah:

---

<sup>29</sup> Ahmad Hamim Azizy (2006), *Al-Jam'iyatul Washliyah Dalam Kancah Politik Indonesia*, Banda Aceh: Yayasan Pena, h. 146-147.

## **A. Laboratorium**

Laboratorium saat ini hanya dua sahaja yang terdapat di perguruan tinggi Universiti al-Washliyah (UNIVA) dan Universiti Muslim Nusantara (UMN). Seharusnya pihak pengurusan pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah menambah beberapa lagi, hal tersebut untuk menunjang pembelajaran.

## **B. Komputer**

Sejauh ini peralatan komputer di institusi-institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah hanya sedikit sahaja tidak mencukupi bagi pensyarah, guru dan pelajar-pelajar. Apabila fasiliti internet memang sangat penting di mana sekarang dengan internet yang cukup dapat menghasilkan mutu institusi-institusi pendidikan tersebut. Dengan menambah wawasan masalah-masalah yang berhubungan dengan globalisasi dunia sekarang, program internet sudah diajar di institusi-institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah.

Berdasarkan penyelidikan di intitusi-institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah sekarang memuat subjek kaedah menggunakan komputer. Subjek ini sangat berkesan bagi pelajar-pelajar. Kaedah tersebut banyak diminati para pelajar-pelajar al-Jam'iyatul Washliyah.

## **C. Perpustakaan.**

Perpustakaan merupakan media perkhidmatan untuk memudahkan pelajar-pelajar mengakses dan meneliti sumber rujukan yang terdiri dari buku-buku, surat kabar, majalah, jurnal ilmiah. Perpustakaan yang terdapat pada intitusi-institusi al-Jam'iyatul Washliyah Medan tidak mencukupi. Perkhidmatan perpustakaan hanya ada di perguruan tinggi seperti: Universiti al-Washliyah (UNIVA), Universiti Muslim

Nusantara (UMN). Menurut penulis hendaklah pengurusan pendidikan menambah lagi koleksi perpustakaan sekaligus menambah buku-buku terbitan baru. Buku-buku terbitan lama ditambah koleksinya sama ada mengenai ilmu-ilmu agama ataupun umum.

#### **D. Ruang Praktik Otomotif Dan Elektrik.**

Ruang bengkel praktik otomotif dan bengkel elektrik untuk pelajar SMK projek Universiti Muslim Nusantara (UMN) al-Jam'iyatul Washliyah kurang lengkap dan peralatan yang diperlukan bagi pelajar-pelajar juga tidak mencukupi. Ruang praktikal hanya satu gedung sahaja dengan ukuran sederhana tidak sesuai dengan jumlah pelajar sebanyak 920 orang. Dari pernyataan di atas jelas pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah kekurangan fasiliti dan peralatan untuk keperluan proses belajar dan mengajar. Keterbatasan prasarana tersebut akan menjejaskan kesemua pihak sama ada pelajar dan pengajar.

#### **4.5.3 Gaji Guru**

Guru adalah merupakan pekerjaan yang profesional dengan maksud pekerjaan yang dilakukan oleh mereka yang khusus telah dipersiapkan untuk mengajar dan mendidik. Sebagai pendidik profesional bahawa guru dituntut melaksanakan tugasnya secara profesioanal yang memiliki ilmu pengetahuan dan berkemampuan.<sup>30</sup> Oleh kerana itu, guru juga bertanggungjawab meningkatkan mutunya dengan memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi seperti mengajar murid-murid dengan cakap dan

---

<sup>30</sup> Abuddin Nata (2003), *Manajemen Pendidikan Mengatasi Kelemahan Pendidikan Islam Di Indonesia*, cet. I, Jakarta Timur: Pranada Media, h. 141.

profesional. Dengan tujuan setiap murid yang diajar akan berjaya mencapai keputusan akademik yang diharapkan.<sup>31</sup>

Masalah yang dihadapi institusi-institusi al-Jam'iyatul Washliyah bahawa gaji bulanan para pensyarah dan guru tidak mencukupi keperluan mereka dengan mengharapkan gaji bulanan sebagai tenaga pengajar. Pada masa sekarang keperluan bahan pokok serba mahal, maka para pensyarah dan guru untuk mencari tambahan mengajar di institusi-institusi pendidikan lain dan mencari pekerjaan lain demi untuk memenuhi keperluan keluarga .

Penulis juga sempat berkhidmat sebagai tenaga pengajar di salah satu institusi pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah pada tahun 2003 di peringkat menengah tinggi agama selama setahun, dengan gaji bulanan yang kurang mencukupi penulis memikirkan pekerjaan yang lain selain mengajar. Para pensyarah dan guru-guru mengajar di institusi-institusi pendidikan selain al-Washliyah bukanlah suatu permasalahan, tetapi apabila para pensyarah dan guru-guru mencari pekerjaan diluar profesi mereka akan menjejaskan mutu pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah sehingga tidak mendapat target ( tujuan yang diinginkan).

#### **4.5 Kesimpulan**

Pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah sejak awal penubuhannya sampai sekarang memainkan peranan yang penting dalam pendidikan Islam terutama di Medan (Sumatera Utara). Lulusan al-Jam'iyatul Washliyah berperanaan aktif menjalurkan perkhidmatan untuk agama, negara dan masyarakat. Hal ini sesuai bidang mereka masing-masing. Dari hasil penyelidikan penulis mengenai perana al-jam'iyatul

---

<sup>31</sup> Mok Soon Sang (2003), *Peperiksaan Penilaian Tahap Kecakapan Skim Perkhidmatan Guru, Bahagian I:Kompetensi Profesional*, cet. I, Kuala Lumpur: Sentosa, h. 189.

washliyah dalam pendidikan Islam untuk mencerdaskan kehidupan bangsa yang sesuai dengan tuntutan pendidikan nasional dan pendidikan Islam dengan melahirkan manusia berakhlak yang mulia, berilmu pengetahuan yang luas, baik pengetahuan agama mahupun pengetahuan umum.

Hal ini dapat dibuktikan dari soal selidik dan temubual penulis. Keberadaan madrasah dan sekolah al-jam'iyatul washliyah telah berhasil menarik minat masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka belajar di lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah. Lonjakan bilangan pelajar yang mendaftar masuk ke lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah tidak dapat ditampung kerana minimnya gedung madrasah dan sekolah.

Al-Jam'iyatul Washliyah mengambil berat tentang pendidikan anak bangsa. Hal ini dapat dibuktikan memberi layanan pendidikan kepada anak yatim dan fakir miskin dengan membangun asrama-asrama untuk mereka yang bersekolah di tempat-tempat tersebut. Keberadaan lembaga pendidikan al-Jam'iyatul Washliyah pada saat sekarang terdapat kelemahan beberapa faktor antaranya:

- a) Sarana dan prasarana seperti: gedung madrasah atau sekolah, laboratarium, komputer, perpustakaan, ruang praktik otomotif dan elektrik.
- b) Gaji tenaga pengajar yang tidak mencukupi, hal ini boleh menghambat mutu pendidikan tersebut. Sedangkan tenaga pengajar lembaga pendidikan al-Washliyah terdiri dari guru profesioanal , yang dapat dilihat pada lampiran.
- c) Tidak ada kursus pelatihan kemahiran bahasa Arab untuk semua pelajar, hal ini boleh menjejaskan para pelajar tidak mampu berbual dengan menggunakan bahasa Arab.